



**MAJLIS SANJUNGAN
BUDI LAMBAIAN KASIH
DATUK BANDAR**

m/s 36

**RUMAH TERBUKA
RIUH RAYA KITA
SELANGOR MERIAH**

m/s 6

 **RUMPUN
SELANGOR**

m/s 20



SIDANG REDAKSI

PENAUNG:

Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim,
D.S.I.S., S.M.S.
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

PENASIHAT:

Tn. Hj Mohd Zulkurnain bin Che Ali,
S.M.S., A.M.N.
Timbalan Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya

KETUA EDITOR:

Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan
Strategik

EDITOR:

Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah
Jabatan Korporat dan Pengurusan
Strategik

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Sabrina binti Samsudin
Puan Hasriani binti Saud

PEREKA GRAFIK:

Encik Muhammad Shahrhan Hanief
bin Shahrulzaman
Puan Siti Marlina binti Chek Long
Encik Khairul bin Rosli

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus bin Khazali
Encik Mohd Fazli bin Osman

EDARAN BULETIN:

Encik Mohd Firdaus bin Mokhtar
Encik Mohd Fazly bin Naiman

ISI KANDUNGAN

DYMM SULTAN SELANGOR BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA-SAMA PEGAWAI DAERAH, DATUK BANDAR DAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN NEGERI SELANGOR	3
HARGAI PENGORBANAN, ERAT HUBUNGAN	3
MAJLIS SAMBUTAN PERAYAAN AIDILFITRI MBSJ 2024	4
MBSJ PBT PERTAMA LANCAR 'WHATSAPP BIZ MBSJ'	7
INISIATIF MBSJ LAHIRKAN KOMUNITI MAMPAN, BANDARAYA SELAMAT	8
MBSJ FC RANGKUL NAIB JOHAN DI SAINGAN LIGA PERDANA FAS 2024 BAKAL BERENTAP DI SCL 2024	9
PASUKAN RAGBI MBSJ KNIGHTS BERJAYA RANGKUL NAIB JOHAN POOL BOWL	9
PASUKAN FUTSAL LELAKI MAKSAT SELANGOR RANGKUL KEJUARAAN KALI KE-7	10
MBSJ FC JUARA LAGI! BENAMKAN UITM UNITED LIONESSE 3-0 DI LIGA SUPER WANITA FAS 2024	11
KONVENSYEN PEMBANGUNAN STRATA 2024: MENYELESAIKAN ISU PEMBINAAN DAN PELAN DI TAPAK	12
PROGRAM ZIARAH KASIH RAMADAN MBSJ 2024 BANTU GOLONGAN MEMERLUKAN	13
PENCAPAIAN GEMILANG: 5 KAKITANGAN MBSJ TERIMA PINGAT SULTAN SELANGOR	14
5 ORANG KAKITANGAN TERIMA SURAT PELANTIKAN	14
TINDAKAN TEGAS MBSJ: ROBOHKAN STRUKTUR BINAAN TANPA IZIN	15
KERJASAMA HEBAT MBSJ, PLAK, DAN AADK BERSATU MENJAMIN TEMPAT KERJA BEBAS DADAH @ TEKAD	15
MBSJ SERTAI PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT	16
MBSJ SAHUT SERUAN WORLD QURAN HOUR	16
AHLI MAJLIS MBSJ MENEROKA KEHEBATAN DI WASTE ECO PARK	17
DYTM RAJA MUDA SELANGOR DEKATI RAKYAT MELALUI PROGRAM GAGASAN PERPADUAN RUMPUN SELANGOR DAERAH PETALING 2024	18
DYTM RAJA MUDA SELANGOR BERKENAN LANCAR HOTEL TANJONG SUBANG JAYA	21
WARNA-WARNI KOMUNITI	23
PERHIMPUNAN BULANAN MBSJ BIL6/2024 DIHOSKAN OLEH JABATAN PELESENAN	24
YAB PERDANA MENTERI TEKANKAN PERANAN AKRAB DI HIMPUNAN ASPIRASI MADANI 2024	24
TAMAN MAGIS DI HARI LANDSKAP NEGARA 2024	25
INISIATIF MBSJ BANTERAS RASUAH DAN KETIRISAN	26
MBSJ BENCI DADAH	26
KORBAN 9 EKOR LEMBU DALAM MAJLIS IBADAH KORBAN MBSJ 2024	27
2 AHLI MAJLIS BARU ANGKAT SUMPAH	27
MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM DRAF RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SELANGOR 2023 (PENGUBAHAN)	28
PEMBERIAN INSENTIF, TINGKAT INOVASI	28
MBSJ FOCUS GROUP DISCUSSION BINCANG GARIS PANDUAN	29
HARI TANPA KENDERAAN MBSJ DISAMBUT MERIAH	30
INTEGRITI BERSAMA KOMUNITI: DATUK BANDAR MBSJ BUKA BICARA ISU DAN CABARAN PBT	32
KUNJUNGAN MBSJ KE MBK FOKUS PADA INISIATIF E-SR	32
PEMBANGUNAN TANAH PERKUBURAN ISLAM PUTRA HEIGHTS MBSJ JADI PANDUAN MBJB	33
LAWATAN DARIPADA PEJABAT URUS SETIA SEMENTARA MAJLIS PEMBANGUNAN LEMBAH KLANG RAYA (SELANGOR GREATER KLANG VALLEY (SGKV))	33
MAJLIS SANJUNGAN BUDI LAMBAIAN KASIH DATUK BANDAR	36

DYMM Sultan Selangor Berkenan Berangkat ke Majlis Berbuka Puasa Bersama-Sama Pegawai Daerah, Datuk Bandar dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Negeri Selangor



Tanggal 7 April 2024 bertempat di Istana Alam Shah Klang, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, DYMM Sultan Selangor berkenan berangkat ke Majlis Berbuka Puasa bersama-sama Pegawai Daerah, Datuk Bandar dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Negeri Selangor.

Baginda diiringi Tengku Permaisuri Hajah Norashikin, DYMM Tengku Permaisuri Selangor.

YB Dato' Setia Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor beserta YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ turut hadir di dalam majlis ini.

Pada majlis sama, DYMM Tengku Permaisuri Selangor berkenan menyampaikan duit raya kepada pelajar-pelajar tahfiz Masjid Istana Diraja.

Baginda berdua kemudian menunaikan solat Maghrib, Isyak dan Tarawih di Masjid Istana Diraja.



Hargai Pengorbanan, Erat Hubungan



Pengorbanan warga kerja agensi keselamatan dalam memastikan keselamatan terjamin sangatlah berharga. Justeru itu, bagi menghargai pengorbanan mereka, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah mengadakan kunjungan hormat ke agensi keselamatan di pentadbiran MBSJ pada 3 April 2024.

YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ telah meluangkan masa menyantuni 3 agensi

keselamatan iaitu Balai Bomba dan Penyelamat (Zon Petaling), Ibu Pejabat Polis Daerah Serdang dan Ibu Pejabat Polis Daerah Subang Jaya. Turut diadakan sesi serahan kuih raya sebagai menghargai pengorbanan mereka menjalankan tugas.

Adalah diharapkan melalui program ini dapat mengukuhkan hubungan sesama agensi dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.





Majlis Sambutan Perayaan Aidilfitri MBSJ 2024



25 April 2024





Rumah Terbuka Riuh Raya Kita Selangor Meriah



Kerajaan Negeri Selangor telah menganjurkan Rumah Terbuka Riuh Raya Kita Selangor 2024 pada 27 April 2024 bertempat di Bandar Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.

Majlis telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Para pengunjung telah disajikan dengan pelbagai juadah hari raya, persembahan dari artis terkenal, pemberian duit raya serta pertunjukan bunga api.

Turut hadir bersama YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ, Ahli-Ahli Majlis, ketua jabatan serta warga kerja MBSJ.





MBSJ PBT Pertama Lancar 'Whatsapp Biz MBSJ'



Bagi memberi kemudahan kepada komuniti MBSJ bagi capaian informasi yang terkini dan sahih, MBSJ telah melancarkan 'Whatsapp Biz MBSJ' semasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri MBSJ yang telah diadakan pada 25 April 2024 bertempat di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ. Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ.

'Whatsapp Biz MBSJ' merupakan platform interaktif komunikasi secara 'live' antara MBSJ dan komuniti bandar raya. Para pengguna boleh menggunakan perkhidmatan ini melalui nombor **03-80263100** pada bila-bila masa dalam tempoh 24 jam dan maklumbalas diberikan secara terus kepada pengguna.

Di antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti membuat semakan dan pertanyaan berkaitan dengan enam perkhidmatan utama:

- Cukai Taksiran MBSJ
- Kompau Trafik MBSJ
- Lesen Perniagaan dan Permit Berniaga
- Permit Bangunan
- Saluran bayaran serta pembersihan iaitu makluman sisa pepejal
- Pembersihan awam termasuk makluman pengurusan sisa kitar semula, sisa restoran dan industri.





Inisiatif MBSJ Lahirkan **Komuniti Mampan, Bandaraya Selamat**



Dalam usaha memperkasakan komuniti di pentadbirannya, MBSJ telah menjalin kerjasama strategik bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Puchong Permai, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dengan menganjurkan Program Sosial Bandar Selamat 2024: Ke Arah Komuniti Mampan, Bandaraya Selamat.

Program ini telah dilaksanakan pada 23 April 2024 bertempat di Sekolah Menengah Puchong Permai dan telah disempurnakan oleh Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin, Ahli Majlis MBSJ Zon 14. Turut bersama hadir adalah TPr.

Dr. Rohana binti Ramli. Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Perancang Bandar MBSJ.

Dalam program ini, para peserta yang hadir terutama pelajar sekolah berkenaan telah diberi kesedaran mengenai kesihatan mental, kesedaran alam sekitar, keselamatan siber, keselamatan di sekolah dan penyalahgunaan dadah sekaligus memberi kesedaran mengenai isu berkaitan keselamatan dan cara menangani isu jenayah terutamanya di kawasan perumahan.

Turut diadakan pameran "Bahaya Dadah" daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Petaling dan pameran produk organik oleh Jabatan Pengurusan Alam Sekitar MBSJ.





LIGA FAS 2024



ENISI 02 2024

9

MBSJ FC Rangkul Naib Johan

di Saingan Liga
Perdana FAS 2024

Bakal Berentap di SCL 2024



MBSJ merangkul naib johan di saingan Liga Perdana FAS 2024 apabila tewas kepada KRU FC dengan 1-0 dalam aksi akhir di Stadium Arena MBSJ pada 1 Jun 2024 lalu.

Turut hadir memberi sokongan kepada pasukan MBSJ FC, adalah YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ,

bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Kejuaraan KRU FC mengesahkan slot

pasukan ke saingan Selangor Champions League (SCL) 2024 manakala MBSJ FC selaku naib juara bakal berentap di pusingan kelayakan SCL 2024.



Pasukan Ragbi

MBSJ Knights

Berjaya Rangkul Naib Johan Pool Bowl



MBSJ berbangga apabila pasukan Ragbi MBSJ Knights berjaya merangkul Naib Johan Pool Bowl di Pertandingan Ragbi 10 Sebelah Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) pada 6 Mei 2024 bertempat di Stadium Ragbi Perak.

Hadiah kemenangan telah disampaikan oleh Encik Muhammad Hamzah bin Haji Datuk Hamdan, Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Ipoh kepada pasukan MBSJ Knights.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada pemenang.





Pasukan Futsal Lelaki MAKSAC Selangor Rangkul KEJUARAAN KALI KE-7



Dengan agregat 3-1, Pasukan Futsal lelaki MAKSAC Selangor berjaya merangkul kejuaraan buat kali ke-7 berturut – turut setelah berhempas pulas menewaskan pasukan futsal lelaki MAKSAC Johor dalam perlawanan akhir Kejohanan Futsal MAKSAC Kebangsaan yang berlangsung pada 25 hingga 27 April 2024.

Selain itu juga, mereka turut merangkul beberapa anugerah lain seperti Anugerah Pemain Terbaik, Anugerah Pemain Harapan, Anugerah Penjaring Gol Terbanyak, Anugerah Penjaga Gol Terbaik.

Pasukan futsal wanita MAKSAC Selangor juga tidak kurang hebatnya apabila mereka berjaya memperolehi tempat ke-3 setelah tewas tendangan penalti 3-1 kepada pasukan MAKSAC Sabah di peringkat separuh akhir. Walaupun kecondang, mereka tetap membawa pulang Piala Fair Play pada kejohanan kali ini.

MBSJ berbesar hati menerima mandat sebagai pengurus bagi pasukan futsal Majlis Sukan dan Kebajikan Anggota-Anggota Kerajaan (MAKSAC) Selangor yang telah berjaya membawa kemenangan besar pada kali ini.

Tahniah diucapkan kepada pemenang dan semoga kecemerlangan ini diteruskan pada masa akan datang.



MBSJ FC JUARA LAGI!

Benamkan UiTM United Lioness 3-0 di Liga Super Wanita FAS 2024



Pasukan Bolasepak MBSJ (MBSJ FC) mempertahankan kejuaraan Liga Super Wanita FAS 2024 selepas menewaskan UiTM United Lioness 3-0 dalam aksi akhir di Stadium Arena MBSJ pada 8 Jun 2024

DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj turut berkenan menyaksikan perlawanan akhir ini diiringi YBrs, Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir adalah YB. Tuan Najwan Halimi, Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor, YB Michelle Ng Mei Sze, ADN Subang Jaya dan YB. Tuan Danial Al-Rashid bin Haron Aminar Rashid, ADN Batu Tiga, Shah Alam, bagi bersama-sama memberi sokongan kepada pasukan yang bertanding dalam perlawanan akhir pada kali ini.

Pada perlawanan akhir tersebut pemain Lee Xin Yi membuka jaringan di minit ke-25, diikuti oleh Waitie Taming (32) dan Intan Sarah (34) pada separuh masa pertama. Berikut adalah senarai penerima anugerah kejohanan yang disampaikan oleh Tengku Amir Shah:

- Anugerah Kasut Emas
Intan Sarah: 19 gol (MBSJ FC)
- Anugerah Pemain Paling Bernilai
Intan Sarah (MBSJ FC)
- Anugerah Golden Glove
Amyra Fariesha: 5 clean sheets (SSS Leapord)

Tahniah kepada pasukan Bolasepak MBSJ (MBSJ FC).





Konvensyen Pembangunan Strata 2024: Menyelesaikan Isu Pembinaan Dan Pelan Di Tapak



Akhir-akhir ini, terdapat peningkatan kes permohonan pemeriksaan akhir telah ditolak disebabkan oleh kelulusan pelan tidak sama dengan pembinaan di tapak sekaligus menyebabkan beberapa pindaan perlu dilaksanakan setelah projek siap.

Justeru itu, Majlis Bandaraya Subang Jaya dengan kerjasama Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor (JUPEM) telah mengambil inisiatif menganjurkan Konvensyen Pembangunan Strata Malaysia bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC) pada 5-6 jun 2024 dengan mensasarkan pemegang taruh dalam pembangunan strata Malaysia iaitu pihak pemaju, pengurus harta berdaftar, juruukur, perancang, peguam, dan pegawai-pegawai dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari seluruh negara.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam mantan Datuk Bandar MBSJ bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Turut hadir adalah YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, Tuan Sr. Looi Kam Seng, Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor, Encik Mohd Syaifulrizal bin Abu Bakar,

Pengarah Bahagian Pengurusan Strata, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Encik Nor Hanizan bin Sahib, Penolong Pengarah Kanan, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), Ahli Majlis serta pihak Pengurusan Tertinggi MBSJ.

Seramai 200 orang peserta telah menyertai

konvensyen tersebut dan dimana turut diberi peluang bertukar-tukar pandangan dan pendapat di kalangan profesional seperti pemaju, arkitek, juruukur dan pengurus harta.

Adalah diharapkan dengan penganjuran konvensyen ini menjadi satu medium untuk menyelesaikan isu perkara berbangkit proses pembangunan strata.



Program Ziarah Kasih Ramadan MBSJ 2024

Bantu Golongan Memerlukan



Prihatin dengan golongan yang memerlukan, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menganjurkan Program Ziarah Kasih Ramadan MBSJ 2024 pada 2 April 2024 bertempat di Pangsapuri Melur, Taman Kinrara, Puchong.

Program ini berjaya dilaksanakan hasil kolaborasi strategik MBSJ bersama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 10 MBSJ, AKRAB MBSJ beserta Pasaraya HERO.

Dalam program ini, YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama Puan Ng Seow Chen, Ahli Majlis MBSJ telah berkesempatan menyantuni 20 buah keluarga yang kurang berkemampuan.

Adalah diharapkan, bantuan yang disampaikan menerusi program ini diharapkan dapat meringankan serta memberi keceriaan kepada keluarga yang terlibat dalam menyambut bulan Ramadan dan Hari Raya pada tahun ini.



SEMPENA
MENYAMBUT ULANG TAHUN
HARI KEPUTERAAN YANG KE-78
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR
BAGI TAHUN 2024



Pencapaian Gemilang: 5 Kakitangan MBSJ Terima Pingat Sultan Selangor



Majlis Bandaraya Subang Jaya merakamkan ucapan tahniah kepada 5 Orang penerima pingat sempena sambutan Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang ke-78. Pingat ini telah disampaikan dalam Istiadat Pengurniaan Pingat-Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan.

Istiadat pengurniaan pingat telah disempurnakan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah mewakili Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj di Dewan Jubli Perak, Shah Alam pada 12 Jun 2024 yang lalu.

Syabas dan tahniah diucapkan sekali lagi kepada 5 orang yang terpilih iaitu:



BIL.	NAMA	JABATAN	PINGAT
1.	Puan Norziha binti Nasir	Jabatan Bangunan	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
2.	Encik Muhammad Khuzaidi bin Abdul Majid	Jabatan Bangunan	Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)
3.	Encik Mohd Fadzir bin Mukhtar	Jabatan Penguatkuasaan	Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
4.	Puan Noor Sikha binti Lajis	Jabatan Kejuruteraan	Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)
5.	Puan Habibah binti Ab Manap	Jabatan Pelesenan	Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)

5 Orang Kakitangan Terima Surat Pelantikan



Tahniah diucapkan kepada 5 warga Majlis Bandaraya Subang Jaya yang menerima surat pelantikan iaitu Tuan Ismail bin Salim sebagai Timbalan Setiausaha MBSJ serta surat kenaikan pangkat secara pemangkuan kepada :

- **Ir. Dr. Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari**
Pengarah (Kejuruteraan) Gred J52
- **TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin**
Pengarah (Perancang Bandar) Gred J52
- **Encik Tarmidi bin Kadri**
Timbalan Pengarah (Penguatkuasaan) KP48
- **Encik Mohd Reyza bin Mazlan**
Timbalan Pengarah (Khidmat Pengurusan) Gred N48



Kesemua kakitangan yang terlibat telah menerima surat pelantikan tersebut dalam satu sesi penyerahan surat pelantikan pada 21 Mei 2024 oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ dan

diiringi oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Seluruh warga kerja MBSJ merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas

atas pelantikan ini. Semoga ia akan menjadi pemangkin untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam menguruskan bandaraya.

Tindakan Tegas MBSJ: Robohkan Struktur Binaan Tanpa Izin



MBSJ telah melaksanakan operasi perobohan struktur konkrit di No. 2, Jalan USJ 4/6B, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan yang dibina tanpa izin di atas bahu jalan. Operasi ini melibatkan jabatan dalam MBSJ iaitu Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pengurusan Alam Sekitar.

Dalam operasi ini, struktur konkrit yang dibina di bahagian tepi premis tanpa izin dikenakan tindakan penguatkuasaan mengikut Seksyen 46 dan 72, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)

Pemilik premis dinasihati supaya sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis atau tindakan tegas akan dikenakan kepada mereka yang ingkar.



Kerjasama Hebat MBSJ, PLAK, dan AADK Bersatu Menjamin Tempat Kerja Bebas Dadah @ TEKAD



Pihak MBSJ menyambut baik usaha dan kerjasama daripada pihak Pusat Latihan Agensi Antidadah (PLAK) dan AADK Daerah Petaling dalam memurnikan Program TEKAD MBSJ sedia ada.

Pada 14 Jun 2024 telah diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Antidadah MBSJ Bil.1/2024 bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Ibu Pejabat MBSJ. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ telah hadir ke sesi ini serta menyantuni wakil-wakil dari Pusat Latihan Agensi Antidadah (PLAK) dan AADK Daerah Petaling.

Sesi perkongsian ini telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Latihan Agensi Antidadah Kebangsaan (PLAK) kepada Ahli Jawatankuasa Kecil Antidadah MBSJ berkenaan Program Pensijilan TEKAD.

Diharapkan kerjasama ini dapat membantu dalam menjadikan MBSJ selamat dan bebas dadah.





MBSJ Sahut Seruan

World Quran Hour



Bangunan Ibu Pejabat MBSJ bergema dengan Alunan bacaan ayat suci Al-Quran secara beramai-ramai pada 4 April 2024 bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Dalam majlis yang sama juga, turut diadakan sesi tazkirah yang telah disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Azlan Shaiful Baharum.

lanya dilaksanakan bersempena dengan Majlis Penutup Tadarus Al-Quran MBSJ 2024 yang disambut sekali dengan penganjuran World Quran Hour pada tahun ini yang mengangkat Surah Al-Jumu'ah sebagai surah pilihan dalam membawa misi Ummah #GrandReset.

Majlis telah disempurnakan dengan ucapan penutup oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ sekaligus menyampaikan cenderamata kepada penceramah dan ahli Tadarus.



MBSJ Sertai Program **Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit**



Bertemakan "Pembacaan Melestarikan Perpaduan" program ini telah dilaksanakan dengan matlamat untuk memupuk minat membaca di kalangan kakitangan di samping memupuk semangat perpaduan berbilang kaum.

Sebanyak 21 jabatan di MBSJ telah menyertai Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit yang telah berlangsung secara serentak di seluruh Malaysia pada 23 April 2024 bermula jam 11.00 pagi sehingga 11.10 pagi.

Sebagai makluman, Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2024 anjuran Perpustakaan Negara Malaysia ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat, Datuk Aaron Ago Dagang Menteri Perpaduan Negara di SMK Putrajaya Presint 9 (2).





Ahli Majlis MBSJ

Meneroka Kehebatan Di *Waste Eco Park*



Pada 6 Jun 2024 Ahli Majlis MBSJ telah membuat lawatan ke Waste Eco Park (WEP) MBSJ bertempat di Jalan TS 6/10 USJ 1, Subang Jaya.

Pada sesi lawatan tersebut pelbagai pengisian telah dilaksanakan antaranya adalah Taklimat Mengenai Projek Eco Waste MBSJ, Demonstrasi Penggunaan cocopeat & cocofibre, pameran kitar semula/kompos dan juga jualan produk organik MBSJ

Para tetamu yang hadir turut berkesempatan menyaksikan demonstrasi penguraian sisa kelapa di lokasi ini yang merupakan tapak pengurusan sisa kelapa 'penjaja kelapa berpermit' yang pertama di Negeri Selangor.

Adalah diharapkan melalui inisiatif dan inovasi ini akan dapat mengurangkan penghantaran sisa kelapa ke tapak pelupusan selain memupuk sikap memelihara alam sekitar di setiap lapisan masyarakat termasuk golongan peniaga.



DYTM Raja Muda Selangor Dekati Rakyat

Melalui Program Gagasan Perpaduan Rumpun Selangor Daerah Petaling 2024



Pada 19 Jun 2024 telah rasmi Program Eksplorasi Gagasan Rumpun Selangor di Daerah Petaling bertempat di Pejabat Daerah dan Tanah Petaling di mana DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibnu Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj telah berkenan melawat dan merasmikan Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Petaling.

DYTM Raja Muda Selangor turut berkenan untuk menerima Sembah Taklimat Pembangunan dari Ketua-ketua Jabatan Daerah. Pembentangan mengenai pembangunan serta pengurusan bandaraya Subang Jaya telah disampaikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ.

Seterusnya, pada 20 Jun 2024, DYTM Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah Ibnu Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj telah berkenan menghadiri Majlis Santapan Malam Gagasan Rumpun Selangor 2024 yang telah dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bertempat di Dewan Banquet, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Majlis diteruskan pada hari ketiga iaitu pada 21 Jun 2024 di mana DYTM Raja Muda Selangor bersama delegasi beliau yang terdiri daripada YB Datuk Rizam bin Ismail, EXCO Kemajuan Desa, Perpaduan & Pengguna Negeri

Selangor, Yang diMuliakan Orang-Orang Besar Istana, YAD. Dato' Haji Emran bin Haji Kadir, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Petaling, Orang Besar Daerah Petaling, YBrs. Puan Rahilah binti Rahmat, Pegawai Daerah Petaling, YBrs Tuan Hj. Mohd Zulkurnain Bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ, Ahli-ahli Majlis MBSJ dan Ketua-ketua Jabatan MBSJ telah berkenan melawat ke ladang Farm Fresh.







Semasa lawatan berlangsung, Tuanku telah diberikan taklimat oleh Encik Azmi Zainal, Ketua Pegawai Operasi Farm Fresh dan turut berkesempatan melihat demonstrasi perahan susu lembu dengan menggunakan 'automatic milking machine'. DYTM Tuanku turut berkenan bersantap di kafe Farm Fresh sebelum berangkat ke Muzium Warisan Melayu (UPM). Encik Azmi Zainal, Ketua Pegawai Operasi Farm Fresh turut menyampaikan cenderamata dari pihak Farm Fresh sebelum Tuanku berangkat ke lokasi berikutnya.

Program Gagasan Rumpun Selangor Daerah Petaling diteruskan di lokasi seterusnya iaitu di Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia. Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibnu Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor telah berkenan melancarkan Sambutan Sedekad Penubuhan Muzium Warisan Melayu UPM serta menandatangani plak serta beramah mesra bersama pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM).

Lokasi Gagasan Rumpun Selangor yang terakhir bagi Daerah Petaling adalah di Masjid As-Salam, Puchong Perdana di mana DYTM Raja Muda Selangor telah berangkat menunaikan solat fardhu Jumaat bersama rakyat di masjid ini.

DYTM Tuanku juga telah berkenan menandatangani plak lawatan dan menyampaikan sumbangan kepada lima (5) masjid dan surau terpilih iaitu Masjid Nurul Huda Kampung Kenangan, Masjid As-Salam Pangsapuri Petaling Permai, Kompleks Surau Darus Salam, Masjid Jumhuriyah Taman Dato' Harun dan Surau Al-Mashitah Puchong Indah.

Di dalam majlis yang sama juga, turut diadakan jamuan rakyat untuk semua yang hadir pada hari ini.





DYTM Raja Muda Selangor Berkenan Lancar Hotel Tanjong Subang Jaya



DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj telah berkenan berangkat hadir ke Kompleks 3K Subang Jaya bagi merasmikan pelancaran 'Hotel Tanjong, Subang Jaya' oleh Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) pada 30 Jun 2024. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ turut mengiringi Raja Muda Selangor melawat sekitar Kompleks 3K Subang Jaya bagi melihat fasiliti dan aktiviti yang dijalankan di kompleks tersebut.

Turut hadir adalah YB. Tuan Najwan Halimi, Exco Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor, YBrs. Ts. Saipolyazan M Yusop Ketua Pegawai Eksekutif, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI), YBhg. Dato' Hj. Mohd Fauzi bin Hj. Mohd Yatim, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam, Dr.



Johan Kamal Hamidon, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Selangor FC, YB Michelle Ng Mei Sze, ADN Subang Jaya, Ahli-Ahli Majlis MBSJ dan Ketua-ketua Jabatan MBSJ.





Warna-

AKTIVITI MPP BULAN

APRIL

MPP ZON 1



5.4.2024 (JUMAAT)
COMMUNITY EXERCISE
YSD TREATMENT
& ORIGIN POINT
THERAPY
 LAMAN LABIN KRT
 SS15/2 & 3

MPP ZON 2



20.4.2024 (SABTU)
RUMAH TERBUKA
AIDILFITRI
 PANGSAPURI INDAH
 COURT

MPP ZON 5



27.4.2024 (SABTU)
RUMAH TERBUKA
AIDILFITRI
 USJ HEIGHTS

MPP ZON 7



1.4.2024 (ISNIN)
PROGRAM ZIARAH
KASIH PESAKIT
KRONIK
 KAMPUNG BUKIT
 LANCHONG

MPP ZON 8



6.4.2024 (SABTU)
MAJLIS KHATAM
AL-QURAN
 MASJID NURUL IMAN
 KAMPUNG TENGAH B

MPP ZON 11



12.5.2024 (AHAD)
SAMBUTAN HARI IBU
 BALAI MASYARAKAT
 BUKIT KUCHAI

MPP ZON 12



4.5.2024 (SABTU)
MAJLIS JAMUAN
AIDILFITRI
 BALAI PENDUDUK
 KG. SRI LANGKAS
 TAMBAHAN

MPP ZON 16



23.6.2024 (AHAD)
PROGRAM ART
PUCHONG FESTIVAL
 TAMAN REKREASI
 WAWASAN

MPP ZON 17



1.6.2024 (SABTU)
PROGRAM MENCINTAI
ALAM SEKITAR
MEMELIHARA DAN
MENANAM TANAMAN
POKOK
 KAMPUNG ORANG ASLI
 PUCHONG

MPP ZON 20



8.6.2024 (SABTU)
DEKO DINAMIK ECO PRINTING
TOTE BAG
 KABIN FLAT IKAN

MPP ZON 21



22.6.2024 (SABTU)
PROGRAM TANAM
POKOK
 MAYDAY GARDEN

JUN

Warna Komuniti

APRIL • MEI • JUN 2024

MPP ZON 3



19.4.2024 (JUMAAT)
PROGRAM PENANAMAN POKOK
TAMAN USJ 20

MPP ZON 4



2.4.2024 (SELASA)
TAKLIMAT CEGAH JENYAH
BERSAMA BALAI POLIS USJ 8
PUSAT KOMUNITI MPP 4

MPP ZON 9



18.5.2024 (SABTU)
JAMUAN UKHWAH
PASCA HARI RAYA
BALAI MASYARAKAT
TAMAN SRI PUCHONG

MPP ZON 10



4.5.2024 (SABTU)
PROGRAM BENGKEL
SOCIAL MEDIA
DEWAN MBSJ BELATOK

MPP ZON 13



1.5.2024 (RABU)
MAJLIS
SAMBUTAN HARI
RAYA AIDILFITRI
MASJID
AS-SALAM
PUCHONG
PERDANA

MPP ZON 14



26.5.2024 (AHAD)
BENGKEL
DECOPATCH
BEG JUTE
DEWAN
PANGSAPURI
MARKISA

MPP ZON 15



11.5.2024
(SABTU)
PROGRAM
BERSAMA
SKUAD KEBUN
KOMUNITI
TAMAN PU3
PUCHONG
UTAMA

MPP ZON 18



8.6.2024 (SABTU)
GOTONG ROYONG
MENCARI DAN
MUSNAH WABAK
DENGGI
JALAN BK 4/2

MPP ZON 19



5 & 7.6.2024
(RABU & JUMAAT)
LINE DANCE
DEWAN MBSJ PUTRA
PERMAI

MPP ZON 22



15.6.2024 (SABTU)
DIY CHINESE
DUMPLING
WORKSHOP
GELANGGANG BOLA
KERANJANG SK6/1

MPP ZON 23



1.6.2024 (SABTU)
5V5 BASKETBALL
TOURNAMENT
LOKASI

Perhimpunan Bulanan

MBSJ Bil.6/2024 Dihoskan Oleh Jabatan Pelesenan



Pada 13 Jun 2024 telah berlangsung Perhimpunan Bulanan MBSJ bagi bulan Jun 2024 yang telah dihoskan oleh Jabatan Pelesenan MBSJ bertempat di Arena MBSJ, Subang Jaya. Majlis ini telah dihadiri oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ bersama Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha MBSJ serta ketua-ketua jabatan dan warga kerja MBSJ.

Pada perhimpunan kali ini, Timbalan Datuk Bandar telah menyampaikan ucap-tama serta menekankan berkenaan pelaksanaan Kajian Impak Pelan Strategik Subang Jaya 2020-2025 bagi menentukan hala tuju MBSJ bagi tahun 2026-2030. Timbalan Datuk Bandar juga berkesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua warga kerja MBSJ yang beragama Islam.



Timbalan Datuk Bandar turut menyampaikan hadiah kepada pasukan bola sepak wanita MBSJ yang telah berjaya merangkul Johan dalam Piala FAS Women's Super League 2024 dan pasukan bola sepak lelaki yang telah berjaya merangkul Naib Johan dalam Perlawanan Akhir Liga Perdana FAS 2024.

Turut bersama meraih kejayaan adalah pasukan Karom MBSJ yang telah memenangi Naib Johan Perseorangan dan Regu dalam Kejohanan Karom Piala Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban serta sesi penyampaian Sijil Anugerah Warga Contoh kepada warga kerja MBSJ yang cemerlang.



YAB Perdana Menteri Tekankan Peranan AKRAB

Di Himpunan Aspirasi MADANI 2024



Program Himpunan Aspirasi Madani Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam Bersama YAB Perdana Menteri Tahun 2024 yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri bertempat di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 14 Jun 2024

Pada perhimpunan kali ini, turut hadir bersama adalah YBrs. Tuan Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ serta Ahli-Ahli Jawatankuasa AKRAB MBSJ.

Program ini adalah anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam yang bertemakan 'H.E.M.A.T - Menyantuni Hasrat, Membina Citra'. Dalam ucap-tama YAB Perdana Menteri telah menekankan berkenaan kepentingan peranan yg perlu dimainkan oleh Ahli AKRAB bagi merealisasikan aspirasi kerajaan khususnya dari kalangan penjawat awam.

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) ini mempunyai keahlian seramai 22,379 orang yang diberi pentauliah oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). AKRAB berfungsi sebagai ejen penggerak perubahan Kerajaan serta bertanggungjawab membentuk rakan yang membantu rakan dalam memupuk semangat berpasukan, keharmonian dan sifat saling menghormati antara satu sama lain.



TAMAN MAGIS

DI HARI LANDSKAP NEGARA 2024



Majlis Bandaraya Subang Jaya telah mempersembahkan tapak pameran bertemakan Taman Magis bagi pengunjung yang hadir ke sambutan Hari Landskap Negara yang telah berlangsung di Taman Tasik Shah Alam bermula 24 Mei 2024 sehingga 2 Jun 2024.

Majlis Perasmian Sambutan Hari Landskap Negara 2024 telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim pada 25 Mei 2024.

Turut bersama hadir adalah YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor serta YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ.

Datuk Bandar bersama Puan Azlina binti Mat Salim, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap MBSJ turut berkesempatan melawat sekitar Hari Landskap Negara termasuk tapak pameran MBSJ yang indah berkonsepkan 'Taman Magis'.





INISIATIF MBSJ

BANTERAS RASUAH DAN KETIRISAN



Kegiatan rasuah merupakan satu sifat yang keji dan perlu dibendung. Menyedari hakikat tersebut, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menganjurkan Taklimat dan Bengkel Pemantapan Tatakelola dalam penguatkuasaan yang bertajuk "Pemantapan Integriti Menangani Rasuah dan Ketirisan" pada 15 Mei 2024 bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Taklimat tersebut berjaya dilaksanakan hasil kerjasama di antara Majlis Bandaraya Subang Jaya dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Program ini telah disampaikan oleh PPj Rosmadi bin Kasim, Ketua Unit Pendidikan Masyarakat SPRM Negeri Selangor dan di antara aspek yang disentuh berkenaan dengan tatacara mengenalpasti risiko-risiko rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan dalam penguatkuasaan.



MBSJ BENCI DADAH



Pada 17 Mei 2024 bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ telah berlangsung Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD).

Program ini berjaya dilaksanakan hasil kolaborasi strategik Majlis Bandaraya Subang Jaya bersama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Petaling.

Dalam program tersebut, para peserta telah diberikan taklimat mengenai bahaya penggunaan dadah serta kesannya kepada warga MBSJ yang telah disampaikan oleh Encik Muhamad Amirul Aiman bin Mohd Rosdan, Pegawai Antidadah, AADK Daerah Petaling.

Semoga usaha murni ini mendapat meningkatkan kesedaran semua peserta dan diteruskan di masa hadapan.

Korban 9 Ekor Lembu

Dalam Majlis Ibadah Korban MBSJ 2024



Seramai 63 orang peserta telah menyertai ibadah korban pada tahun ini dengan melaksanakan ibadah korban 9 ekor lembu dalam Majlis Qurban MBSJ 1445H/2024M yang telah diadakan bertempat di Surau An-Nur, Jalan TP2, Taman Perindustrian UEP, Subang Jaya, pada 20 Jun 2024 lalu.

Majlis ibadah korban ini telah disempurnakan oleh YBrs Tuan Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ. Turut hadir adalah YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan SUK (Pembangunan) yang turut melaksanakan korban dalam majlis pada hari ini. Turut serta YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha merangkap Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

Seramai 500 sukarelawan yang terdiri dari warga kerja MBSJ telah berkerjasama dalam menjayakan ibadah korban pada tahun ini. Semoga melalui ibadah korban ini, kita akan dapat menjiwai semangat pengorbanan dalam diri, bahkan juga menjaga hubungan sesama insan dalam masyarakat selain berpeluang untuk kita berkongsi nikmat dengan yang lain.



2 Ahli Majlis Baru Angkat Sumpah



Majlis Mengangkat Sumpah dan Menandatangani Watikah Pelantikan dua (2) orang Ahli Majlis baharu bagi penggal 2024-2025 telah diadakan pada 24 April 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2, Ibu Pejabat MBSJ.

Dua Ahli Majlis iaitu Encik Nanthakumar a/p Poapalan dan Puan Sri Devi a/p Chenchiah mewakili Parti Keadilan Rakyat (PKR) telah melafazkan Ikrar Integriti di hadapan YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ.

Pihak MBSJ berharap melalui perantaraan ini, Ahli Majlis dapat menjalankan tanggungjawab dan amanah dengan baik serta dapat membantu MBSJ dalam penggubalan dasar serta menyumbang idea dan berganding bahu dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan bandaraya



Majlis Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2023 (Pengubahan)



Majlis Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (Pengubahan) dilancarkan pada 9 Mei 2024 bertempat di Dewan Konsvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam.

Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir bersama adalah YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ di mana dalam majlis ini beliau turut menerima Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (Pengubahan).

Komuniti Subang Jaya boleh membuat semakan serta mengemuka cadangan atau bantahan terhadap Draf Rancangan Struktur



Negeri Selangor 2035 (Pengubahan) secara fizikal di Perkarangan Lobi Ibu Pejabat MBSJ bermula 9 Mei 2024 hingga 22 Jun 2024 atau melayari laman web PLANMalaysia Selangor



di <https://www.jpbdselangor.gov.my/> atau <https://linktr.ee/rsns2035pengubahan> untuk akses kepada dokumen dan borang bantahan.

Pemberian Insentif, Tingkat Inovasi



Pihak pengurusan MBSJ komited dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan melalui penghasilan inovasi yang kreatif dan inovatif.

Justeru bagi memberikan galakan serta semangat, MBSJ telah menyalurkan insentif kepada kakitangan yang terlibat dalam Majlis Pemberian Wang Insentif Ekosistem Kondusif

Sektor Awam (EKSA) dan Kumpulan Inovasi MBSJ 2024 bertempat di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Majlis ini yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar

MBSJ bersama Encik Azfarizal bin Abdul Rashid, Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ.

Syabas diucapkan atas komitmen yang telah diberikan dalam usaha merealisasikan inovasi sekaligus meningkatkan mutu perkhidmatan kepada komuniti.





MBSJ FOCUS GROUP DISCUSSION BINCANG GARIS PANDUAN



Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dengan kerjasama IOI Properties Group Berhad telah menganjurkan Focus Group Discussion (FGD) pada 9 Mei 2024 bertempat di Hotel Marriot, Putrajaya.

FGD ini diadakan bagi menyelaras dan membincangkan mengenai Penyediaan Garis Panduan Reka Bentuk Bandar Terperinci bagi Pembangunan Transit Oriented Development (TOD) di kawasan stesen LRT IOI Puchong Jaya. Sesi FGD ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin, Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar MBSJ.

Turut hadir adalah ahli – ahli majlis, ketua jabatan dan pegawai MBSJ serta agensi teknikal luaran, ahli akademik serta para pemaju. Garis Panduan ini merupakan sebuah panduan khas bagi perancangan fizikal khusus bagi pembangunan berhampiran stesen transit susulan daripada Pelan Tindakan Reka Bentuk Bandar Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 untuk memperkasakan elemen TOD bagi cadangan pembangunan.





HARI TANPA KENDERAAN

Disambut Meriah



Hari Tanpa Kenderaan MBSJ kembali lagi dengan penuh gaya pada 12 Mei 2024 bertempat di Taman Komuniti Putra Heights.

Istimewanya pada kali ini, turut diadakan Larian ALEPS Ekiden Half Marathon 2024 (AEHM'24) yang telah diadakan dengan kerjasama ALEPS (Alumni Look East Policy) di mana ia telah disempurnakan oleh YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan bersama YBhg. Dato' Hj. Mohd Fauzi bin Hj. Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ, H.E Mr Karimata Atsushi, Timbalan Duta Jepun, YB Preakas a/I Sampunathan, ADN Kota Kemuning serta Encik Ismail bin Ismail, Presiden ALEPS.

Turut hadir adalah YBrs. Tuan. Hj. Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ, YDH. ACP Wan Azlan bin Wan Mamat, Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Ahli-Ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan MBSJ.

Program telah dimulakan dengan pelepasan acara larian AEHM'24 dan Subang Jaya Urban Ride 2024. Pelbagai aktiviti sukan serta riadah termasuk bazar sarapan pagi dan Eco Free Market turut diadakan. Tetamu-tetamu kehormat telah berkesempatan berkunjung ke ruai 'Mini Festival of Japanese Culture' serta melihat sekitar aktiviti Hari Tanpa Kenderaan pada kali ini.

Tahniah diucapkan kepada pengunjung bertuah yang telah memenangi cabutan bertuah pada hari ini dan terima kasih kepada seluruh komuniti MBSJ yang hadir memeriahkan Program Hari Tanpa Kenderaan MBSJ pada hari ini. Komitmen dan sokongan anda semua ke arah bandar raya mampan dan rendah karbon sangat dihargai.



MBSJ
iah





Integriti Bersama Komuniti:

Datuk Bandar MBSJ Buka Bicara Isu Dan Cabaran PBT



MBSJ amat berbesar hati menyertai Seminar Pembangunan Integriti bersama Komuniti (CIB) Selangor dimana YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ telah menjadi salah seorang panel jemputan dalam seminar ini yang telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Ani binti Ahmad, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada 30 April 2024.



Dalam sesi ini Datuk Bandar telah berkongsi pengalaman dan juga informasi berkenaan isu dan cabaran yang sering dihadapi di

peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan memfokuskan pelaksanaan projek Pembangunan Integriti Bersama Komuniti

(CIB) yang berjaya dilaksanakan yang memberi impak positif dalam kawasan bandaraya Subang Jaya.

Kunjungan MBSJ Ke MBK

Fokus Pada Inisiatif E-SR



Terima kasih Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) atas kesudian menerima kunjungan MBSJ ke Ibu Pejabat MBK yang diketuai oleh YBhg. Dato' Hj. Mohd Fauzi bin Hj. Mohd Yatim, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bersama Ahli Majlis Jawatankuasa OSC, Pengarah-pengarah Jabatan dan wakil serta Jabatan Teknikal Luaran pada 30 Mei 2024 lalu.

Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman mengenai pelaksanaan inisiatif e-SR (Sistem Rujukan dan Aduan Elektronik) oleh MBK.

Kami berharap kunjungan ini dapat memperkukuhkan lagi hubungan kerjasama antara Majlis Bandaraya Subang Jaya dan Majlis Bandaraya Kuantan. Semoga sesi ini memberikan manfaat yang besar



dalam memperbaiki amalan pengurusan aduan awam di kedua-dua agensi PBT dan membuka peluang untuk kerjasama yang lebih produktif di masa hadapan.

Terima kasih kepada Majlis Bandaraya Kuantan atas sambutan yang mesra dan penyampaian maklumat yang berharga. Kami menantikan peluang untuk terus bekerjasama demi pembangunan bandar yang lebih baik.

Pembangunan Tanah Perkuburan Islam Putra Heights MBSJ Jadi Panduan MBJB



tertinggi dan para delegasi yang terdiri dari ketua-ketua jabatan dan pegawai MBJB.

Dalam sesi lawatan ini para delegasi ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pembangunan Tanah Perkuburan Islam Putra Heights di mana penerangan ini telah disampaikan oleh Encik Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik.

Turut hadir adalah, YBrs. Tuan Ismail bin Salim, Timbalan Setiausaha merangkap Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan

Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bersama pegawai kanan Jabatan Khidmat Pengurusan MBSJ.

MBSJ dengan kerjasama Sime Darby Property Berhad selaku pemaju telah membangunkan tapak perkuburan baharu seluas 13.4 hektar yang dilengkapi dengan pelbagai fasiliti.

Diharapkan melalui lawatan ini, para delegasi dapat mengimplementasi informasi yang diperolehi ke MBJB.



MBSJ amat berbesar hati menerima Lawatan Kerja daripada Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pada 19 Jun 2024 bertempat di Tanah Perkuburan Islam Putra Heights yang telah diketuai oleh YBrs. Tuan Haji Miswan bin Yunus, Setiausaha MBJB bersama pengurusan

Lawatan Daripada Pejabat Urus Setia Sementara Majlis Pembangunan Lembah Klang Raya (Selangor Greater Klang Valley (SGKV))



Pada 7 Mei 2024 yang lalu, MBSJ telah menerima lawatan daripada Pejabat Urus Setia Sementara Majlis Pembangunan Lembah Klang Raya (Selangor Greater Klang Valley (SGKV)) yang disambut mesra oleh YBhg. Dato' Hj Mohd Fauzi bin Hj Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ.

YBhg. Dato' Puasa bin Md. Taib telah mengetuai delegasi lawatan pada kali ini yang membincangkan kelancaran kajian dan cadangan yang akan dilaksanakan bagi mewujudkan satu sistem pentadbiran yang melibatkan empat (4) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) melalui pewujudan Enakmen SGKV.



LAWATAN - LAWATA KE MAJLIS BANDAR

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG(MPKj)

Tarikh: 6 MEI 2024

Berkongsi pengalaman mengenai pelaksanaan mesyuarat jawatankuasa dan mesyuarat jawatankuasa teknikal yang dilaksanakan oleh pihak MBSJ.



MAJLIS PERBANDARAN KAJANG(MPKj)

Tarikh: 11 JUN 2024

Memberi pendedahan mengenai prosedur persidangan mahkamah di peringkat MBSJ.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

Tarikh: 11 JUN 2024

Melihat amalan terbaik dari aspek pengurusan sisa oleh MBSJ serta produk yang dihasilkan dalam mencapai objektif bandar raya hijau dan mampan.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)



MAJLIS PERBANDARAN KAJANG(MPKj)

N PENANDAARASAN RAYA SUBANG JAYA

PERBADANAN PUTRAJAYA BERSAMA ANAK SYARIKAT PUTRAJAYA LEASURES AND SERVICES GROUP SDN. BHD. (PULSE GROUP)

Tarikh: 11 JUN 2024

Berkongsi pengalaman
berkenaan tadbir urus
dan pelaksanaan operasi
tempat letak kereta di
peringkat MBSJ



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN PEMBANGUNAN BANDAR SARAWAK

Tarikh: 12 JUN 2024

Berkongsi maklumat
berkaitan konsep *Land
Value Capture (LVC)* yang
telah dilaksanakan di
peringkat MBSJ.



PERBADANAN PUTRAJAYA BERSAMA ANAK SYARIKAT PUTRAJAYA
LEASURES AND SERVICES GROUP SDN BHD (PULSE GROUP)



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN PEMBANGUNAN BANDAR SARAWAK



MAJLIS PERBANDARAN KAJANG(MPKJ)

Majlis *Sanjungan Budi Lambaian Kasih* Datuk Bandar



'Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih' sempena perpisahan YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Datuk Bandar MBSJ telah diadakan bertempat di Laman Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ. Majlis ini turut dihadiri oleh YBrs. Haji Mohd Zulkurnain Che Ali, Timbalan Datuk Bandar bersama barisan Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan serta pegawai MBSJ. Beliau turut menerima tabik hormat dan diiringi perbarisan penguatkuasa MBSJ diikuti lambaian perpisahan kepada seluruh warga kerja MBSJ. Turut diadakan sesi simbolik 'clock out' terakhir beliau pada hari ini.

Bagi menghargai jasa serta pengorbanan beliau, turut diadakan Majlis Makan Malam Sanjungan Budi Lambaian Kasih pada 4 Jun 2023 yang lalu bertempat di Sunway Resort Hotel, Bandar Sunway.

Dalam majlis tersebut, Kelab Sukan & Kebajikan MBSJ, PUSPANITA, MBJ, Ahli Majlis serta kakitangan MBSJ turut menyampaikan cenderamata kepada YBhg. Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, Mantan Datuk Bandar MBSJ.

Pihak Majlis merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan atas kejayaan dan pencapaian yang telah dikecapi sepanjang di bawah pimpinan beliau.

Selamat Maju Jaya!







Mana-mana pemunya (pemilik) atau penduduk sesuatu pegangan berkadar dalam Senarai Nilaian Majlis Bandaraya Subang Jaya atau ejen/wakil yang diberi Surat Perwakilan Kuasa daripada mana-mana pemunya atau penduduk sesuatu pegangan tersebut, boleh hadir bagi membuat semakan dan cabutan daripada Senarai Nilaian tanpa apa-apa bayaran pada ketetapan seperti di atas.

NOTIS SENARAI NILAIAN BAHARU



UNTUK MAKLUMAT LANJUT

TARIKH NOTIS : 13/08/2024
NO. RAJUK CUPRA :

NOTIS SENARAI NILAIAN BAHARU

AKTA PERALIHAN TEMPATAN 1978 - SEKSYEN 141

Cukai perlu bayar

BIAYA TUNJANGAN	KADAR CUKAI	CUKAI TUNJANGAN	CUKAI TANJARAN YANG AKAN BERKUALITI KUALA
RM 22,000.00	8%	RM 1,760.00	RM 500.00

Adalah dengan ini memberitahu bahawa harga-harga tersebut adalah pengiraan berdasarkan kawasan Majlis Rempunan Rumbung Jaya dan Bandar Rempunan Rumbung Jaya Tahun 2023 untuk setiap lot yang akan dijual. Sebarang jika ada perubahan semasa akan kita tahu. Terima kasih kepada anda pada 15 JUN 2024.

[illegible]

Seorang yang tidak berpuas hati di atas nama yang diberikan seperti di atas-dasar yang terkandung di dalam arahan MCI Asia Tenggara Tempahan 1976 (Jura 17), bawakan membuat tindakan secara bertulis kepada Duta Ronda, Maja Bandayana Sukong Jaya dan bawakan tindakan secara bertulis Maja Sukong Jaya, 21 Ogos 2016.

DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

¹ Nama ini adalah sebuah konvensi dan tidak menunjukkan keterkaitan.

IKLAN WARTA SENARAI NILAIAN BAHARU



LOCAL GOVERNMENT ACT 1976 (ACT 171)
NOTICE OF NEW VALUATION LIST
SUBANG JAYA CITY COUNCIL

NOTIFICATION

PURSUANT to Section 137 and 141 of the Local Government Act 1974
[At 170] Siding Jaya City Council had prepared a New Valuation List which shall take effect on 1 January 2025 of all holdings in the Suburban Area of Siding Jaya City Council.
Any person claiming to be either the owner or occupier of holding included in the Valuation List or an agent of any such person and estimate may be made from the Valuation List without any charge.

Any person aggrieved with the assessment of any holdings included in the Valuation List may, pursuant to Section 142 AC F11, make objection in writing to the Mayor of Siding Jaya City Council on or before 8 August 2024 at 12 noon.
The Mayor of Siding Jaya City Council will proceed to review the Valuation List on 26 February 2025.

Dated: 10 May 2024
 MBG/PH/600-2271; PUSDI AM 600/9 882
 MAXON
 Subang Jaya City Council
 Persiaran Perpaduan UJ/5
 47510 Subang Jaya
 Selangor Darul Ehsan
 Malaysia

Nombor rujukan warta bertarikh 13 Jun 2024
MBS.LPPH.600-2/27/1-PU SELAM 0160/3. Jld 21



AKTA KERAJAAN TEMPAHAN 1976 (AKTA 131)
NOTIS MENDAKAI SENARAI NILAIAN BAHARU
MAKLUK BANDARAYA SURABAYA 1976

[illegible]

Bersama: 14 Mei 2024
[MBS/PPH/040-21271, PM/01, AM 0100/03/24.2]
DITUK. SANDAR
Madi: Banderan: Subang Jaya
Penerapan: Pengapukan: UJI 3
47610 Subang Jaya
Subang Jaya: Ethos
Madyan

KRONOLOGI SEMAKAN SENARAI NILAIAN BAHARU

1992

1996

Berusia
28 tahun

Berusia
24 tahun

2020

PUNCA KUASA UNTUK MELAKSANAKAN PENILAIAN SEMULA CUKAI TAKSIRAN

- Kuasa untuk melaksanakan Penilaian Semula Cukai Taksiran adalah seperti diperuntukkan di Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Seksyen 137(3) seperti di bawah:
'Sesuatu Senarai Nilai baru yang mengandungi butir-butir yang sama seperti dalam subseksyen (1) hendaklah disediakan dan disiapkan sekali tiap-tiap lima tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri'
- Kerajaan Negeri Selangor juga telah bersetuju supaya pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan proses Penilaian Semula Cukai Taksiran ke atas semua pegangan / harta di dalam kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan.



FORMULA KIRAAN CUKAI TAKSIRAN



Contoh pengiraan Cukai Taksiran seperti berikut:

i) Pengiraan Cukai Taksiran atas bangunan.

Sewa Sebulan	: RM1,500.00
Sewa Setahun (RM1,500.00 x 12 bulan)	: RM18,000.00
Nilai Tahunan (Sewa Setahun)	: RM18,000.00
Kadar Cukai Kediaman	: 4%
Cukai Taksiran Setahun	: RM720.00

ii) Pengiraan Cukai Taksiran atas tanah kosong.

Keluasan Tanah persegi	: 5,000 meter
Harga Pasaran Semeter Persegi smp	: RM4,000.00
Harga Pasaran Tanah	: RM20,000,000.00
Nilai Tahunan (10% daripada Harga Pasaran)	: RM2,000,000.00
Kadar Cukai Perniagaan	: 5%
Cukai Taksiran Setahun	: RM100,000.00

KADAR TAKSIRAN ARAS NILAIAN BAHARU TAHUN 2020 BAHARU



4%

Bangunan Kediaman & Tanah Kosong Kediaman

3%

Kediaman Berstrata (Kondominium, Rumah Bandar, Pangsapuri)



3.5%

Pangsapuri Servis, Kedai Apartment-Apartment

5%

Bangunan Perniagaan & Tanah Kosong Perniagaan



5.5%

Bangunan Perindustrian & Tanah Kosong Perindustrian

3%

Aset & Fasilitas Air Selangor



2%

Tanah Kosong Pertanian

CARA MEMBUAT BANTAHAN

Seseorang yang terkilan atas penilaian bagi sesuatu pegangan yang dikenakan dalam Senarai Nilai itu bolehlah menurut Seksyen 142, Akta 171 membuat bantahan secara bertulis* kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Subang Jaya **pada atau sebelum 2 Ogos 2024** dan Majlis Bandaraya Subang Jaya akan mula menyemak Senarai Nilai tersebut pada 16 Ogos 2024.

*Hantar bantahan dalam talian melalui pautan bantahan ERV Semakan Semula Senarai Nilai Baru di www.mbsj.gov.my



SEBARANG PERTANYAAN

BP 1 - SUBANG JAYA/USJ
BP 2 - SUBANG HI-TECH
BP 3 - PUTRA HEIGHTS

03-80263115
03-80264335

BP 4 - KINRARA
BP 5 - PUCHONG

03-80264336
03-80263114

BP 6 - BANDAR PUTRA PERMAI
BP 7 - SERI KEMBANGAN

03-80263250
03-80267426

Hubungi
kami



**Sila Imbas
Kod QR**

untuk soalan-soalan lazim berkenaan Semakan Semula Senarai Nilai Baru Pada Aras Nilai Tahun 2020





**INFO CEPAT
TEPAT 24 JAM
7 HARI**



**Sila imbas
kod QR untuk
masuk ke
Whatsapp
MBSJ**

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.